

**IMPLIKASI PEMBANGUNAN FIZIKAL, SOSIAL  
DAN EKONOMI TERHADAP SEKTOR PERIKANAN**

Oleh  
**FAIROS BINTI BAHARUM**

Satu kajian yang disediakan untuk memenuhi sebahagian  
daripada syarat penganugerahan :-

**DIPLOMA PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH**

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah  
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur  
Institut Teknologi Mara  
Shah Alam

Oktober 1993

## PENGHARGAAN

### BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Di sini penulis ingin merakamkan berbanyak terima kasih kepada penyelia kajian ini iaitu Puan Noor Hadjar Yussof Bux yang telah banyak memberi pandangan dan tunjuk ajar dalam penyediaan kajian akhir ini.

Terima kasih juga kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama terutama kepada :

1. Pensyarah-pensyarah  
Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah, ITM
2. Encik Hassan,  
Pegawai Pembangunan Masyarakat Nelayan, LKIM,  
Kuala Lumpur.
3. Encik Hussin Rahman  
Pegawai Perikanan, Batu Maung, Pulau Pinang
4. Encik Azlan Ahmad,  
Penolong Pegawai Perancang Bandar, MPPF,  
Pulau Pinang
5. Encik Sabri  
Pegawai PERDA, Pulau Pinang.
6. Rakan-rakan seperjuangan .

Akhir sekali terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa serta keluarga yang tidak putus-putus memberi sokongan. Segala sokongan dan pengorbanan yang diberikan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian, Terima kasih.

## SENARAI JADUAL

- Jadual 4.1 : Bilangan dan jenis unit kediaman sediada tahun 1993
- Jadual 4.2 : Perbandingan pertambahan kediaman sebelum tahun 1980 dengan 1993
- Jadual 4.3 : Pertambahan dan bilangan perniagaan didalam kawasan kajian.
- Jadual 4.4 : Bilangan dan jenis perindustrian dikawasan kajian 1993
- Jadual 4.5 : Kadar pertambahan unit kediaman dan bilangan penduduk tahun 1980 hingga 1993
- Jadual 4.6 : Penduduk mengikut bangsa tahun 1993
- Jadual 4.7 : Bilangan Keluarga dalam kawasan kajian
- Jadual 4.8 : Migrasi penduduk dalam kawasan kajian
- Jadual 4.9 : Kemudahan masyarakat sediada
- Jadual 4.10: Perbandingan pertambahan kemudahan perikanan
- Jadual 4.11: Jenis sistem pembentungan sediada
- Jadual 4.12: Penyediaan kemudahan infrastruktur sediada

## **SENARAI NAMA RINGKAS**

DEB	- Dasar Ekonomi Baru
DPN	- Dasar Pembangunan Negara
RJP	- Rangka Jangka Panjang
KDNK	- Keluaran Dalam Negara Kasar
DRS	- Draf Rancangan struktur
MPPP	- Majlis Perbandaran Pulau Pinang
LKIM	- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
PMN	- Pembangunan Masyarakat Nelayan
KPN	- Kawalan Pembangunan Nelayan
PERDA	- Perbadanan Kemajuan Wilayah Pulau Pinang
KEMAS	- Jabatan Kemajuan Masyarakat

## BAB 1

### PENGENALAN KAJIAN

#### 1.1 Pengenalan

Kaum nelayan adalah merupakan golongan yang boleh dikategorikan sebagai golongan miskin. Kadar kemiskinan dalam sektor perikanan lebih tinggi jika dibandingkan dengan sektor lain. Daya pengeluaran dan pendapatan nelayan amat rendah dan kebanyakannya hidup di bawah kemiskinan.

Kemiskinan yang wujud ini adalah disebabkan kebanyakannya daripada mereka memperolehi pendapatan yang rendah. Ini adalah kerana mereka menjadi nelayan upahan yang sering bergantung hidup kepada orang tengah. Pendapatan yang tidak seberapa ini digunakan untuk menyara isirumah yang besar dan menampung taraf hidup yang tinggi.

Menurut kajian yang dibuat oleh Perancang Ekonomi, purata isirumah bagi kaum nelayan ialah 6.2 orang bagi sesebuah rumah. Jumlah ini adalah besar jika dibandingkan dengan isirumah biasa.

Menurut Laporan Tahunan Jabatan Perikanan, terdapat 90,362 nelayan yang terlibat dalam sektor perikanan laut di Malaysia dalam tahun 1991. Jumlah ini meng-